

Kampung Sungai Merab (1860-an)



Selekoh Jalan Sungai Merab - Jalan Bukit Dugang, di Kampung Sungai Merab Hulu, 2016 (Sungai Merab @ Facebook, 9 Februari 2016: "[Sungai Merab](#)").



Dirujuk oleh

- [Sejarah Awal Bangi: 1918: Kampung Sungai Merab](#)

1860-an: Penerokaan Sungai Merab dan Teras Jernang

Penghijrahan Keluarga Tambusai

"Cerita terakhir soal pelarian Tuanku Tambusai muncul di buku Rokan: Tuanku Tambusai Berjuang karya Mahidin Said yang terbit 1969 silam. Disebutkan, Tuanku Tambusai berhasil menyelamatkan diri dengan sampan di Sungai Batang Sosa setelah penaklukan Benteng Dalu-Dalu pada 1838. Tokoh yang dijuluki belanda De Padrische Tijger van Rokan (Harimau Padri dari Rokan) itu lalu meneruskan perjalanan menembus Rimba Mahato hingga sampai di Kota Pinang (sekarang Sumatera Utara). Dari sana, Tambusai menyeberangi Selat Malaka menuju Negeri Sembilan, Malaysia. Tuanku Tambusai pun meneruskan hidup di kampung bernama Rasah dan meninggal di sana."



Kiri: Tuanku Tambusai (Dinas Sosial Provinsi Riau, 2017:

"Tuanku Tambusai").


Kanan: Penghijrahan Tuanku Tambusai: Dalu-Dalu → Kota Pinang → Rasah, Negeri Sembilan (Edmiraldo Siregar @ Kumparan, 5 November 2021:

"Cerita Pelarian Tuanku Tambusai: Wafat di Malaysia atau Hidup Hingga Akhir Masa?").

"Lebai Zakaria anak Tambusai yang berhijrah ke Semenanjung di akhir abad ke-19/awal abad 20 (tak siapa yang tahu) dan datang ke Teras Jerenang sebelum berkampung di Bangi. This must have been a rather large migration, kerana kelompok yang datang itu bersebar di Jenderam, Teras Jerenang/Sg. Merab, Bangi, Kg. Balun (Slim River) dan Sempa (Behrang)." (Shaharuman Shahadan @ Blog

abdulhalimshah, February 24, 2008:

"The "Makam Tuanku Tambusai"").



Kiri: Penghijrahan dari Rambah dan Tambusai, secara kasar, berdasarkan peta oleh I. Dornseiffen, 1904 @ Bartele Gallery: "[Atlas van Nederlandsch Oost- en West-Indië: MAP OF THE EAST COAST OF SUMATRA - DORNSEIFFEN C.1900](#)"

Kanan: Contoh pokok Terap, yang dikatakan asal-usul nama “Sungai Merab” ([Wikipedia: Artocarpus](#)).

Penghijrahan Kaum Bengkulu

“Lebih satu abad yang lalu bangsa Bengkulu telah datang ke Semenanjung Tanah Melayu ini, iaitu sekitar akhir tahun 1800 an, dari Bengkulu Sumatera Selatan, Indonesia, berkelompok2. Mereka datang sama ada telah berkeluarga mahu pun yang masih bujang atau pun masih gadis. Kedatangan mereka kesini tidak ada tujuan tempat tertentu, kalau ada pun barangkali cuma ikut2an sahaja. Tempat yang sememangnya tersohor disana ialah Kelang, barangkali Kelang ialah sebuah perlabuhan kapal, kebetulan pula mereka keluar dari Bengkulu itu menaikki kapal. Kemasyhuran nama Kelang itu, masih disebut2 hingga sekarang ini disana. Tempat awal didatangi orang Bengkulu mungkin di Sungai Chu, Selangor, di Sungai Merab, di Behrang dan lain2 lagi, kebanyakannya di Selangor, lalu mereka membuka kampung ditempat2 itu, hingga sekarang pun kampung2 tersebut masih ada. Ada diantara mereka yang di Sungai Chu itu, mahu pun yang di Sungai Merab itu datang ke Gemas, Negeri Sembilan lalu mendirikan kampung disana dan menamakan kampung mereka Kampung Bangkahulu. Barangkali inilah satu2nya kampung yang dinamakan dengan tempat asal mereka.” (Razali Ahmad @ Anak Bengkulu, 16 Januari 2009:

"Mampukah Bahasa Bengkulu Bertahan?")

Kampung Bangkahulu di Sungai Merab pernah ditandakan di dalam peta tahun 1950 (kini sekitar Sungai Merab Hulu):-

1929	1950	1962	2025
-	Kg. Bangkahulu	Kg. S. Merab Hulu	Kampung Sungai Merab Ulu




“Gambar pertama dalam postingan ini adalah pintu masuk Kampung Bangkahulu di Gemas, Negeri Sembilan, Malaysia. Kampung ini adalah penempatan orang-orang Bengkulu yang dibuka pada tahun 1957 sebagai hadiah dari pemerintah kepada dua pendekar Bengkulu yang membunuh penjahat komunis. Dua pendekar tersebut ialah Datuk Dagang Ariffin bin Depati Sarin dan Tuan Haji Sidek bin Salihin. Selain di Gemas, Negeri Sembilan, diaspora Bengkulu banyak dijumpai di Selangor, seperti di Sungai Choh, Sungai Merab, Sungai Kembung Hulu, Behrang, Bangi, dan lain-lain. Orang-orang

Bengkulu mula berhijrah ke Semenanjung Malaya pada awal 1800-an. Sebagaimana kebanyakan perantau dari Sumatra, mereka masuk melalui Kelang. Orang-orang Bengkulu yang datang dari Sumatra ke Semenanjung Malaya ini ialah etnis Serawai dan etnis Lembak Bulang. Mereka datang membawa adat dan kebudayaannya. Rumah-rumah tradisi orang Bengkulu berbumbung limas, bertiang tinggi, ada serambi terbuka di sebelah anjung, dan mereka tinggal berdekatan satu sama lain. Mereka juga membawa tarian kebudayaan mereka seperti tarian katira dan tarian kain panjang yang ditampilkan pada malam majelis perkawinan. Seni silat mereka ialah silat cekak dan silat pulut yang ditampilkan untuk memeriahkan suatu majelis dan juga tentunya untuk pertahanan diri. Kue tradisi Bengkulu ialah tat Bengkulu, oncong-oncong, dan babotok." (Cik Olly @ Khazanah News, 13 Januari 2025:

"ORANG-ORANG BENGKULU DI PERKAMPUNGAN MALAYSIA").

Pelarian Perang Klang



"Kampung Teras Jernang merupakan kawasan perkampungan orang-orang Melayu dalam kawasan Bangi. Kampung ini telah diteroka kira-kira dalam tahun 1860-an. Sebelum kawasan ini diteroka oleh orang-orang Melayu, kawasan perkampungan ini didiami oleh Orang Asli. Orang-orang Melayu yang meneroka kawasan ini adalah terdiri dari orang-orang Kelang yang lari menyelamatkan diri semasa berlaku perang saudara di Selangor dalam tahun 1866-1873. Mereka telah memudeki Sungai Langat hingga kesatu kawasan yang dikenali sebagai Kuala Sungai Merab. Peneroka-peneroka tersebut telah diketuai oleh Dato' Saad bin Katib. Rombongan ini adalah terdiri dari kaum keluarganya. Apabila mereka sampai di kawasan Kuala Sungai Merab itu, didapati oleh mereka kawasan itu amat sesuai untuk dijadikan kawasan kediaman. Bermula dari waktu itu, kawasan tersebut telah dibersihkan dan dijadikan kawasan perkampungan." (Sumber: Habibah Ismail, 1982: "Sejarah Bangi (1870an - 1970an)". Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia. @ Harith Faruqi Sidek, 12 Jun 2025: "Kampung Teras Jernang berusia sekitar 165 tahun.").

LATAR PERISTIWA: Rekoh: 1867-1875: Pelarian Perang Klang

1896: Keluarga dari Rembau

Sekitar tahun 1896, kawasan Sungai Merab telah pun diterokai oleh 40 buah keluarga yang berasal dari Rembau, untuk penanaman padi. Ketika itu, bandar Kajang sedang mula dibangunkan: "In

October, three blocks of waste land, aggregating 960 acres, were granted to Messrs. Walsh and Mitchell for coffee-planting purposes, this being the first occasion on which premium has been charged on agricultural land in Ulu Langat District. Other applications for smaller areas, amounting altogether to 791 acres, were received during the course of the month, and 485 acres were applied for mining purposes. A large contingent of Rembau people, numbering 40 families, have lately arrived in the district and are taking up land for rice-cultivation at Sungei Merap, situated on the Langat River some three miles below Reko. A large extent of suitable land is available in this locality, and the present applications may form the nucleus of an extensive settlement. Clearing operations on a large scale have been commenced at Braemar by Goh Ah Ngee, the new proprietor, who has also started work on his settlement for Chinese Christians near Semenyih. Building operations in the town of Kajang continue to show rapid development; by the end of the year, there should be between 30 and 40 double-storied brick houses there either completed during the year or in course of construction." (The Straits Budget, 1 December 1896, Page 3:

"KUALA LANGAT").

1916-09-28: Cadangan Perluasan Rizab Melayu

- Cadangan: Arkib Negara 1957/0191289W, 28/09/1916:

"PROPOSAL FOR EXTENSION OF THE MALAY RESERVATION AT AYER HITAM AND SUNGEI MERAB".

- Lanjutan: Arkib Negara 1957/0206349W: 19/09/1919:

"MALAY RESERVATION, ULU LANGAT DISTRICT, MUKIM OF KAJANG - (EXTENSION OF SUNGEI MERAB MALAY RESERVATION)".

1918: Pembukaan Kampung Sungai Merab

Pada tahun 1918, 11 buah keluarga perantau keturunan Rambah dan Tembusai dari Sumatera yang diketuai oleh Abdul Ghani bin Lison (dikenali sebagai Tok Dagang Morah), telah turut menerokai kawasan Sungai Merab, lalu menamakannya sebagai Kampung Sungai Merab:-

"Kampung Sungai Merab Luar terletak di daerah Sepang, Selangor, Malaysia. Kampung ini telah dibuka oleh seorang pahlawan melayu yang berasal daripada Sumatera dari keturunan Rambah Temusai bernama Abdul Ghani bin Lison pada tahun 1918. Beliau adalah ayah kepada Haji Ibrahim bin Abdul Ghani (Tok Yat) dan merupakan mantan ketua kampung Persekutuan atau dikenali dengan nama Tok Morah(nama ini telah diabadikan sebagai nama jalan , Jalan Tok Morah di Kampung Paya)." (Merab Tech of UKM, 2016:

"SEJARAH KAMPUNG SUNGAI MERAB LUAR").

"Kampung Sungai Merab telah dibuka pada sekitar tahun 1918. Peneroka awal kampung ini ialah Tok Dagang Morah dari Sumatera, Indonesia. Beliau telah mengetuai 11 keluarga peribumi suku kaum Rambah dan Tembusai (Temusai) menyeberangi Selat Melaka ke pinggir Sepang dan menyusuri hutan tebal sehingga tiba di sebuah kawasan berhampiran Bangi. Seterusnya, ada di kalangan

mereka yang meneruskan perjalanan arah ke Hulu Langat dan telah membuka penempatan orang Minang di sepanjang kawasan Sungai Langat.

Mereka telah berusaha menebang hutan untuk membuat pondok dan bercucuk tanam. Mereka juga hanya menggunakan beliung untuk menebang pokok di hutan kerana ketika itu gergaji dan kapak masih belum wujud. Peneroka awal ini juga menternak ayam itik serta kambing bagi menampung keperluan harian. Lama-kelamaan penempatan yang dibuka itu berkembang menjadi sebuah kampung yang sempurna. Mereka juga menjadikan sungai yang mengalir di tepi kampung itu sebagai jalan utama ke tempat lain selain menggunakan airnya untuk minuman, membasuh pakaian dan mandi manda. Suku kaum Rambah dan Tembusai ini kebanyakannya berasal dari Pasir Pengaraian di Rokan Hulu, Riau. Bahasa mereka lebih kurang seperti orang Minang. Bahasa orang Rambah dan Tembusai masih digunakan dengan meluas di Jenderam Hilir tetapi agak kurang digunakan di Sungai Merab.

Oleh kerana kampung ini tidak bernama maka nama Kampung Sungai Merab diambil namanya sempena pokok Terap yang tumbuh meliar di tebing sungai. Suku Tembusai menyebut Terap sebagai Merab. Kulit pokok ini boleh dibuat dinding pondok dan pokok yang lebih kecil boleh digunakan untuk membuat tali. Sebutan terap ini lama kelamaan bertukar menjadi Terab. Oleh itu kampung ini pun dinamakan Kampung Sungai Merab. Tapak asal kampung ini ialah di Sekolah Kebangsaan Sungai Merab Luar yang ada sekarang ini.

Sejak kampung ini dibuka, ramailah masyarakat berketurunan Minang, Jawa dan Bangkahulu selain orang Melayu yang menetap di kampung ini. Keturunan masyarakat Rambah dan Tembusai yang mula-mula meneroka kampung ini masih ramai yang tinggal di sini. Mereka hidup bersama sebagai satu keluarga yang saling bantu-membantu dan harmoni. Kerajaan juga telah mengeluarkan geran tanah kepada penduduk yang menetap lama di kampung ini. Pada masa kini keluasan kampung ini ialah 864 ekar."

(Sumber: Discovery Research Consultant Management Sdn. Bhd. b/p Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor, 2007: "Koleksi Cerita Asal Usul dan Sejarah Daerah Sepang", m.s. 42-44).







Kiri: Peta sekitar Sungai Merab (1913), sebelum pewartaan rizab melayu Sungai Merab (Central Survey Office, Kuala Lumpur, Federated Malay States (F.M.S.) @ Survey Department, Singapore; 测量局; Singapore. Survey Department, 1913:

"Selangor, Federated Malay States 1913").

Kanan: Peta sekitar Sungai Merab (1918), setelah pewartaan rizab melayu Sungai Merab (Central Survey Office, Kuala Lumpur, Surveyor-General's Office, Federated Malay States (F.M.S.) @ Survey Department, Singapore; 测量局; Singapore. Survey Department, 1918:

"Selangor, Federated Malay States 1918").





Kiri: Peta sekitar Sungai Merab (1926), sebelum pewartaan rizab Melayu Sungai Limau Manis (Malaya Survey Department, 1926 @ University of Minnesota Libraries:

"Selangor : Federated Malay States 1926").

Kanan: Peta sekitar Sungai Merab (1929), selepas pewartaan rizab Melayu Sungai Limau Manis. Anehnya, rizab tersebut ditandakan di muara Sungai Chuau. Muara Sungai Limau Manis sebenarnya terletak di dalam "Reserve for wet rice cultivation" di sebelah timurnya (bersempadan dengan [Prang Besar Estate](#) di sebelah utaranya). Mungkin suatu kesilapan? (Edward Stanford @ F.M.S. Survey Department, 1929:

"1929 F.M.S. Wall Map of Selangor (Kuala Lumpur)").

MAKLUMAT LANJUT: [Prang Besar Estate \(1921\)](#).

1921-03-07: Rizab Perkuburan

[Arkib Negara 1957/0214900W, 07/03/1921:](#)

"BURIAL GROUND FOR MOSLEM COMMUNITY : SUNGEI MERAP, MUKIM OF KAJANG - RESERVATION OF LAND FOR :-".

1924: Pembukaan Kampung Limau Manis

"Kampung Limau Manis merupakan satu kawasan petempatan di Mukim Dengkil yang telah diteroka oleh pendatang dari Tanah Jawa seramai 40 orang pada tahun 1924. Ia terletak 30 kilometer dari Bandar Baru Salak Tinggi yang merupakan Pusat Pentadbiran Daerah dan 3 kilometer dari Pusat Pentadbiran Putrajaya.

..... Di peringkat awal penerokaan kampung ini, masyarakat Jawa yang berhijrah ke sini telah mengusahakan tanah dengan menanam tanaman untuk keperluan sendiri. Kawasan yang diterokai adalah berhampiran dengan Estet Prang (Perang) Besar (sekarang Putrajaya). Walau bagaimanapun,

mereka tidak dibenarkan menanam pokok getah demi menjamin kepentingan hasil pengeluaran penjajah. Oleh itu, para peneroka ini telah menumpukan usaha mereka kepada tanaman pokok Pinang dan pokok Melinjau (Belinjau). Kedua-dua jenis tanaman ini merupakan tanaman yang boleh untuk mendatangkan hasil kehidupan mereka sehari-hari.

Semasa mereka sedang menanam pokok Pinang dan Belinjau, mereka telah menjumpai sejenis pokok yang berbuah dan sangat manis rasanya. Rupa buah itu seperti Limau tetapi rasa manisnya berbeza dengan rasa jenis-jenis Limau yang lain yang kebiasaannya masam. Kemudiannya, mereka telah memperkembangkan tanaman tersebut dengan menanamnya di celah-celah tanaman pokok Pinang dan Belinjau. Akhirnya tanaman ini telah berkembang di kawasan mereka dan ramai orang mengenalinya sebagai Limau Manis. Oleh itu nama kampung ini telah digelar sebagai Kampung Limau Manis.”

(Sumber: Discovery Research Consultant Management Sdn. Bhd. b/p Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor, 2007: “Koleksi Cerita Asal Usul dan Sejarah Daerah Sepang”, m.s. 50-53).

Rizab sawah padi di muara Sungai Limau Manis (mungkin sebenarnya rizab melayu Sungai Limau Manis?) mula ditandakan di dalam peta 1926 di atas.

MAKLUMAT LANJUT: Kampung Limau Manis (1924).

1925-05-01: Sekolah Melayu

Arkib Negara 1957/0235968W, 01/05/1925:

|
"NEW MALAY SCHOOLS AT DINGKIL AND SUNGEI MERAB".

1926: Rizab Orang Asli

“The Land Code 1926 mewartakan tanah rizab Orang Asli mengguna pakai nama rizab sakai. Ia diletakkan dalam satu peruntukan yang umum iaitu 'bertujuan untuk kegunaan sebagai kawasan penempatan kekal bagi orang sakai dan dikawal selia oleh penghulu'. 'Sakai' adalah perkataan yang diguna pakai oleh Pentadbiran Inggeris dengan merujuk kepada semua suku kaum Orang Asli. JAKOA merekodkan terdapat 14 buah kampung Orang Asli yang diwartakan sebagai rizab sakai. (rujuk kepada LAMPIRAN 3).”

“MAKLUMAT TANAH ORANG ASLI (RIZAB ORANG ASLI SEK 7 / SAKAI RIZAB) NEGERI SELANGOR * BORANG 2/13”

Bil	Daerah / Mukim / Kampung	No Lot	No Warta	Tarikh Warta	No Pelan (P.A.C/P.W)	No Sheet (Standard)	Luas (Hektar)	Jumlah Ketua Isi Rumah	Jumlah Isi Rumah	Penggunaan Tanah	Catatan
1	Daerah Sepang / Mukim Dengkil										
.....											

Bil	Daerah / Mukim / Kampung	No Lot	No Warta	Tarikh Warta	No Pelan (P.A.C/P.W)	No Sheet (Standard)	Luas (Hektar)	Jumlah Ketua Isi Rumah	Jumlah Isi Rumah	Penggunaan Tanah	Catatan
	1.3. Kg. Orang Asli Bkt. Dugang	875	1649/35	26.3.1935	P.A.30219	110-C	82.7	30	130	Kediaman	Sakai Rizab
		2380	1649/35	26.3.1935	P.A.8843	110-D	8.48	32	153	Kediaman	
....											

(Sumber: Dewan Negeri Selangor, 2017:

KERTAS BIL. 31 TAHUN 2017 – (JP-Padat) BERHUBUNG PERMASALAHAN PENENTUAN HAK MILIK DAN PEWERTAAN TANAH ORANG ASLI DI NEGERI SELANGOR, hlm. 5,30).

Walaupun laporan di atas menyatakan tarikh pewartaan rizab orang asli adalah pada 26 Mac 1935, kawasan “Sakai Res.” ini telah ditandakan di dalam peta sejak tahun 1926 lagi, sebagaimana dalam jadual di bawah. Mungkin tarikh 1935 itu adalah pewartaan semula?

1926	1929	1950	1962	2025
Sakai Res.	Sakai Res.	Sakai Res.	-	-
-	-	-	Kg Simpang Empat	Kg Orang Asli Bukit Dugang
-	-	-	-	Persimpangan Bunga Cengkih Persiaran Timur

1933-01-06: Permohonan Pembaharuan Lesen Pengedar Getah Oon Lee Ee

Arkib Negara 1957/0279107W, 06/01/1933:

"REQUEST FOR THE RENEWAL OF RUBBER DEALER'S LICENCE AT SUNGEI MERAB IN FAVOUR OF OON LEE EE FOR THE YEAR 1933".

1933-04-10: Penjualan Tanah Haji Ensah



Arkib Negara 1957/0279688W, 10/04/1933:

"SALE OF LAND HELD UNDER ENTRY MUKIM REGISTERS 6410 AND 6709, SUNGEI MERAB MUKIM BELONGING TO HAJI ENSAH BINTI LIAS".

1948-1960: Suasana Darurat

“Pada Zaman Darurat, kampung ini tidak terlepas daripada gangguan komunis yang memaksa penduduk membekalkan mereka dengan makanan dan ubat-ubatan. Walau bagaimanapun, penduduk kampung telah bersepakat dengan menubuhkan pasukan kawalan kampung mereka bagi membendung kegiatan subversif daripada mengganggu gugat ketenteraman kampung mereka.”

(Sumber: Discovery Research Consultant Management Sdn. Bhd. b/p Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor, 2007: "Koleksi Cerita Asal Usul dan Sejarah Daerah Sepang", m.s. 45-46).



Kiri: Peta sekitar Sungai Merab, di waktu darurat (Surveyor General, Malaya, 1950 @ Australian National University:

"Malaysia, Malaya, Selangor 1950, Land Use, South Sheet, 1950, 1:126 720").

Kanan: Peta sekitar Sungai Merab, 1962. Kawasan rizab melayu sebagaimana di dalam peta 1950 dan sebelumnya (lihat peta di sebelah kiri) ditandakan secara kasar (Director of National Mapping, Malaysia, 1962:

"Malaysia, Selangor, Kuala Lumpur, Series: L7010, Sheet 94, 1962, 1:63 360"; Director of National Mapping, Malaysia, 1963 @ Australian National University:

"Malaysia, Negri Sembilan, Selangor, Sepang, Series: L7010, Sheet 102, 1963, 1:63 360").

Sebagaimana dalam peta tahun 1920-an sebelumnya, kawasan rizab melayu Sungai Limau Manis

ditandakan di muara Sungai Chuau. Muara Sungai Limau Manis sebenarnya terletak di dalam "Reserve for wet rice cultivation" di sebelah timurnya (Bandingkan dengan peta di sebelah kanan). Mungkin masih suatu kesilapan?

1960: Kampung Rancangan Kemajuan Tanah (RKT) / Pembangunan Luar Bandar (PLB)

"Hanya 6,583 permohonan tanah sahaja yang maseh belum di-selesaikan oleh Kerajaan Selangor sehingga 30 September tahun yang lalu. Menurut Pesuruhjaya Tanah Selangor Inche Ma'arof bin Sheik Ahmad jumlah ini kecil kalau di-bandingkan dengan negeri2 lain. Menurut Inche Ma'arof lagi, kebanyakan dari permohonan2 itu ia-lah di-daerah Ulu Langat (2,581) dan di-Sabak Bernam (1,427). Kerajaan telah membekukan semua permohonan tanah semenjak bulan June yang lalu. Permintaan2 sa-chara beramai2 ada-lah di-utamakan. Tiap2 pemohon akan di-beri sa-banyak tidak kurang dari enam ekar tanah. Sa-orang yang tidak dilayani akan di-galakkan supaya meminta tanah di-bawah rancangan pembukaan tanah sa-chara beramai2. Dengan jalan ini Kerajaan berharap akan dapat menyelesaikan permohonan2 yang telah ada itu, kata Inche Ma'arif lagi. Selangor sekarang mempunyai rancangan2 pembukaan tanah sa-chara berkampong di-lima buah tempat - Sungai Tekali (1,200 ekar), Sungai Merab (500 ekar) kedua2 ini di-daerah Ulu Langat, Sungai Sabai (1,962 ekar), Jerang Belanga (1,100 ekar) kedua2 di-Ulu Selangor, dan Labu di-daerah Kuala Langat (900 ekar). Satu lagi kerumitan berkenaan dengan pembahagian tanah di-Selangor ia-lah kebanyakan dari tanah2 yang belum lagi di-buka itu memerlukan parit dan tali-ayer." (Berita Harian, 5 February 1960, Page 1:

"Soal tanah ta' begitu rumit di-Selangor").

MAKLUMAT LANJUT: Kampung Sungai Merab Dalam / Desa Putra (1960)

1961-06-12: Dana Koperasi untuk Pembinaan Prasarana Getah

"A \$40,000 project for a smokehouse, store and factory is being organised by the Kajang Malay Rubber Smallholders Cooperative Society. The buildings are to go up near Bangi, about 10 miles from here. They will server smallholders of 10 kampongs scattered between Sungei Kembong Ulu and Sungei Marap. The secretary of the Kajang Malay Rubber Smallholders Co-operative Society, Inche Amin bin Haji Abdul Jabbar, said the project was to enable the smallholders to produce better quality rubber and enhance their earnings." (The Straits Times, 12 June 1961, Page 7:

"\$40,000 plan for small planters").

1961-09-29: Penubuhan Perkumpulan Perempuan Sungai Merab

"Perkumpulan Perempuan Sungai Merab, Kajang telah mengadakan jamuan teh kerana menyambut

genap sa-tahun tertuboh-nya persatuan tersebut dan juga untok merai'kan Che'gu Jamilah binte Ahmad yang telah memenangi hadiah pertama dalam Peraduan Mengarang Sajak untok ahli2 Perkumpulan Perempuan Sa-Malaya pada 14 September yang lalu. Jamuan ini telah di-adakan di-Sekolah Kebangsaan Sungai Merab Kajang pada hari Sabtu 29 September yang lalu, dan telah di-hadhiri oleh lebeh dari 100 orang jemputan yang terdiri dari pemuda2 UMNO dan juga ibu bapa di-kampung itu. Perkumpulan Perempuan ini telah di-tubuhkan pada bulan September tahun 1961 dengan mempunyai sa-ramai 50 orang ahli." (Berita Harian, 3 October 1962, Page 9:

|
"W.I. SUNGAI MERAB MERAYAKAN ULANG TAHUN YG PERTAMA").

MAKLUMAT LANJUT: Perkumpulan Perempuan Sungai Merab (1961)

1962-07-18: Rancangan Ternakan Pawah

"Sa-ramai 130 orang penduduk2 kampung di-seluruh kampung di-seluruh daerah Ulu Langat dan Kajang akan menerima kerbau dan lembu pawah di-bawah rancangan pawah kerajaan pada bulan August yang akan datang ini. Pegawai Daerah Kajang Tuan G.H. Thomas menyatakan bahawa sa-banyak 126 ekor kerbau akan di-pawahkan kapada penduduk di-seluruh daerah ini menurut rancangan pawah kerajaan tahun 1962. Tiap2 sa-orang petani akan menerima sa-orang sa-ekor keran atau pun lembu. Kerbau2 ini akan di-pawahkan sa-banyak 15 ekor kapada penduduk2 kampung Ulu Langat 15 ekor kapada penduduk2 kampung Kuala Lui, 30 ekor kapada penduduk2 kampung Sungai Merab, 34 ekor kapada penduduk2 Kampung Jenderam Hilir, 12 ekor kapada penduduk kampung Teras Jernang, dan 30 ekor kapada penduduk kampung Dingkil. Tuan Thomas juga telah menasehatkan penduduk2 kampung yang menerima kerbau pawah kerajaan supaya menjaga kerbau dan lembu itu dengan sempurna dan jangan di-biarkan merayau2 ka-dalam estet2. Kata-nya, banyak kerbau dan lembu di-daerah ini telah mati termakan rachun lalang yang telah di-taborkan di-ladang2 getah untok membunuh rumput.'" (Berita Harian, 18 July 1962, Page 9:

|
"Rancangan memelihara lembu dan kerbau").

"Pejabat Haiwan Negeri Selangor telah memberi sa-banyak 59 ekor lembu pawah kepada petani daerah Kajang dan Ulu Langat di-bawah rancangan pawah kerajaan pada tahun 1962. Pegawai Haiwan Daerah Kajang Tuan H.G. Thomas menyatakan bahawa lembu pawah ini telah pun di-berikan kapada petani2 di-daerah Ulu Langat pada bulan yang lalu. Tuan H.G. Thomas juga menerangkan bahawa rancangan pawah kerajaan perengkat pertama pada tahun 1961 dahulu tiap2 sa-orang petani telah mendapat sa-banyak dua ekor lembu atau pun kerbau, tetapi rancangan pawah pada tahun 1962 ini tiap2 sa-orang petani telah mendapat sa-ekor sa-orang sahaja kerbau atau pun lembu. Beliau menerangkan bahawa lembu2 yang telah di-pawahkan kapada petani2 bulan yang lalu sa-banyak 15 ekor kapada petani2 di-batu 18 Ulu Langat. 14 ekor kapada petani2 di-daerah batu 14 Ulu Langat, dan sa-banyak 30 ekor kapada petani2 di-kampung Sungai Merab. Menurut Tuan Thomas lagi sa-banyak 77 ekor lagi kerbau akan di-pawahkan pada penghujung bulan ini. Petani2 yang akan menerima kerbau pawah itu sa-banyak 13 ekor di-Kampung Teras Jernang, 34 ekor Kampung Jenderam dan 30 ekor di-Kampung Dengkil." (Berita Harian, 8 September 1962, Page 8:

|
"LEMBU2 AKAN DI-BERI KPD KAUM TANI CHARAPAWAH").

1962-07-27: Sekolah Dewasa



"Gambar menunjukkan pelajar2 Sekolah Dewasa Sungai Merab, Kajang bergambar ramai dengan ketua kampung mereka, Inche Muhammad Yunus bin Mihad yang menjadi penasihat sekolah dewasa tersebut. Di-antara pelajar2 ini ada yang sudah larut umur-nya tetapi bersemangat untuk belajar." (Berita Harian, 27 July 1962, Page 6:

"Pelajar2 dewasa").

1962-07-31: Hari Ibu Bapa SK Sungai Merab

"Ibubapa2 murid sa-kali lagi telah di-seru supaya ikut memerhatikan sungguh2 dan menginsafi tanggungjawab pelajaran anak2-nya dan jangan menyerahkan bulat2 kepada guru2 sahaja. Seruan ini telah di-buat oleh Menteri Besar Selangor, Dato Abu Bakar Baginda dalam ucapan-nya di-hadapan kira2 300 orang tatkala merasmikan Hari Ibu bapa Sekolah Kebangsaan Sungai Merab Kajang, pagi semalam." (Berita Harian, 1 August 1962, Page 9:

"Ibubapa2 di-seru lagi awas pelajaran anak2").

1962-12-03: Kemelesetan Ekonomi

"Banyak sekolah2 kebangsaan di-daerah Ulu Langat dan Kajang tidak dapat mengadakan hari ibu bapa pada tahun ini kerana banyak ibu bapa murid2 tidak mampu membayar wang untuk mengadakan hari ibu bapa kerana keadaan meleset sekarang ini di-kampong2. Guru Pelawat daerah Ulu Langat Che'gu Mohd. Yasin bin Ma'mor memberi tahu Berita Harian bahawa banyak sekolah kebangsaan di-daerah ini menangguhkan upacara hari ibu bapa pada tahun ini kerana kesusahan penduduk2 kampung akibat harga getah turun sekarang ini. Che'gu Mohd. Yasin juga menerangkan banyak Lembaga Pengurus Sekolah2 Kebangsaan di-daerah ini telah meminta pihak guru2 besar di-sekolah menangguh perjumpaan hari ibu bapa itu menimbangkan kesusahan yang di-hadapi oleh orang2 kampung sekarang. Lembaga Pengerusi Sekolah Sungai Merab Kajang Inche' Yunus bin Mihad memberi tahu Berita Harian bahawa sungguh pun ibu bapa sedar bahawa hari ibu bapa itu ia-lah untuk kemajuan anak2 yang sedang belajar di-sekolah2 tetapi ibu bapa daerah ini tidak dapat

membayar wang untuk mengadakan hari ibu bapa kerana kesusahan hidup. Inche' Yunos juga menerangkan sekarang ini musim hujan. Harga getah telah turun 60 sen sekati. Itu-lah sebab-nya ibu bapa tidak mampu membayar wang mengadakan hari ibu bapa." (Berita Harian, 3 December 1963, Page 2:

|
"BANYAK SEKOLAH TIDAK MENGADAKAN HARI IBU BAPA KERANA TA' MAMPU").

1963-01-02: Pembukaan Dewan Orang Ramai

"The Mentri Besar of Selangor, Dato Abu Bakar bin Baginda, opened a \$5,000 community hall at Sungei Merap yesterday." (The Straits Budget, 2 January 1963, Page 17:

|
"Community hall").

1964-01: Perkahwinan Che'gu Jamiah



"Gambar menunjukkan persandingan di-antara Che'gu Abdul Shukor bin Mohd. Said guru Sekolah Pasar Road Kuala Lumpur dengan Che'gu Jamiah binti Saidi guru Sekolah Kebangsaan Sungai Merab Kajang pada minggu yang lalu. Che'gu Shukor ia-lah guru kelulusan Maktab Perguruan Bahasa Kuala Lumpur dan Che'gu Jamiah kelulusan Maktab Harian." (Berita Harian, 10 January 1964, Page 6:

"GURU SAMA GURU").

1964-01-17: Perlantikan Imam Mohd Zaini



"Ustaz Mohd Zaini bin haji Demang guru agama Sekolah Kebangsaan Sungai Merab Kajang telah di-persetujui ramai di-lantek menjadi imam Masjid Kajang baharu2 ini. Ustaz Zaini telah di-lantek menjadi imam kerana menggantikan imam Haji Saleh yang telah berhenti menjadi imam baharu2 ini." (Berita Harian, 17 January 1964, Page 6:

"GANTI IMAM SALLEH").

1964-02-10: Bantuan Buku Sekolah
